


## MENG“INDIE”KAN KESUSASTERAAN



OLEH MOHD HASNUL MOHD SANI

“**L**ihatlah anak muda zaman sekarang, suka menghabiskan duit, masa dan tenaga pada benda yang sia-sia,” kata orang-orang tua.

Bagi penulis pula, jangan dibandingkan anak muda zaman sekarang dengan anak

muda zaman dahulu. Setiap zaman berbeza dan perbuatan membandingkan ini akan berterusan sampai bila-bila.

Anak muda zaman sekarang lebih terbuka pemikirannya, malah kadang-kadang kerana terlalu terbuka, lebih bijak dan kadang-kadang “terlalu bijak” dengan rasa (*taste*) dan kemahuan.

Ada pepatah yang sering diulang-ulang, “Jangan menilai buku daripada kulitnya.” Percayalah bahawa pepatah ini sudah tidak relevan lagi bagi anak muda zaman ini. Anak muda memang suka menilai sesuatu dari luaran dan hal ini terlihat daripada gaya pemaknaan mereka dan berbagai-bagai *gadget* yang mereka miliki. Penampilan luaran menjadi tema

dalam kehidupan anak muda. Inilah antara gejala populariti buku indie dan pop yang mudah merajai segenap pilihan pembaca muda kini. Dengan kulit buku yang menarik dan tajuk buku yang menangkap, buku-buku penerbitan indie menjadi pilihan anak muda. Oleh hal yang demikian, wajarkah kita mengatakan yang anak muda sekarang menuju ke zaman ketandusan intelek? Atas dasar apa? Siapakah yang bersalah jika fenomena ini terjadi?

### Kemunculan Indie

Penerbit indie muncul kerana golongan muda muak dengan terbitan arus perdana yang dilihat terlalu tradisional dalam pemikiran dan persembahan yang dicurahkan dalam buku penerbitan arus perdana. Biro Tatanegara (BTN) sendiri mengakui pengaruh gerakan indie terhadap golongan muda, malah telah mengadakan suatu penyelidikan terhadap gerakan ini. Menurut BTN, sastera indie ialah manifestasi kebebasan berfikir, idea yang tidak terkawal, tanpa ikatan peraturan, dari lepas bebas daripada sebarang hukum-hukum

MEMANG DIAKUI BAHAWA TIDAK SEMUA BUKU PENERBITAN INDIE HASILKAN BERMUTU. HAL INI JALAH FAKTA. TETAPI PENERBIT INDIE TELAH MEMBUKA PINTU EMAS KEPADA GOLONGAN BIASA UNTUK MENULIS DAN MERUNTUHKAN STIGMA LAMA BAHAWA HANYA AHLI BAHASA DAN SASTERAWAN SAHAJA YANG BOLEH MENULIS DAN MENERBITKAN BUKU. OLEH DEMIKIAN, ADA YANG BERPENDAPAT, NILAI ILMU TELAH MENJADI SEMAKIN RENDAH KERANA ORANG YANG BUKAN AHLI MENULIS. SIAPA YANG PEDULI? MENULIS BUKANLAH KERJA GOLONGAN CENDEKIAWAN ATAU INTELEKTUAL SAHAJA.

penerbitan atau norma hidup. Dalam bahasa mudah, golongan Indie ialah golongan hipi sastera. Tetapi, adakah tema ini masih terpakai dengan banyaknya gerakan Islamik yang juga muda menapak dalam penerbitan indie untuk memasarkan buku mereka?

Pengasas penerbit buku Indie terdiri daripada golongan muda yang melihat peluang untuk mereka mengemukakan idea yang penerbit perdana tidak mampu atau mungkin tidak mahu suarkan. Buku arus

perdana dilihat sarat dengan hasil sastera yang dilihat terlampau tinggi ke langit. Dengan penggunaan laras bahasa yang tinggi dan penuh dengan jalan cerita yang kompleks, buku begini hanya menjadi santapan golongan pencinta sastera serius. Bagi anak muda yang lain, buku sebegini tidak dapat menampung kehausan mereka. Anak muda sukakan hiburan dan daripada buku indie sahajalah mereka memperoleh hiburan tersebut. Buku indie juga muncul kerana sastera tewas di tangan sains. Dengan kecenderungan Kerajaan memartabatkan sains untuk mencapai cita-cita Wawasan 2020, sastera dipinggirkan dan dikelaskan sebagai mata pelajaran kelas kedua. Manusia mempunyai dua bahagian otak, yang masing-masing mempunyai kecenderungan pada logik atau emosi dan kecantikan (*estetika*). Apabila pendidikan terlalu menumpukan logik, maka anak muda mencari hiburan daripada buku alternatif yang lebih mudah dan santai sifatnya. Karya sastera dipinggirkan kerana anak muda tidak dibiasakan dengan karya sastera itu sejak kecil, apatah lagi disuakan oleh ibu bapa yang tidak pun peduli akan pemeliharaan imbalan antara logik dengan sastera tersebut. Generasi pendukung indie ialah manifestasi dasar Kerajaan yang mula menumpukan pendidikan sains sejak tahun 1990-an. Akhirnya, yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran. Dasar 60:40 untuk sains kepada sastera tidak berjaya. Menurut kajian Akademi Sains Malaysia, hanya 20 peratus pelajar yang mengambil aliran sains pada peringkat menengah, malah penurunan ini semakin mendadak sejak pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Pendidikan yang baik adalah apabila sastera dan sains disatukan untuk membentuk insan yang sempurna

dari segi logik dan emosi. Inilah yang seharusnya diambil kira dalam merangka dasar pendidikan negara.

### Budaya Membaca Anak Muda

Apabila satu jari menuding orang, empat jari menuding diri sendiri. Isu anak muda membaca buku bercorak santai ini sebenarnya sudah lama. Pada zaman awal 1990-an, anak muda sudah biasa membaca bacaan santai, termasuk novel seram, pop cinta dan majalah komik. Pada akhir 1990-an dan awal tahun 2000, fenomena komik dan *manga* pula menerobos masuk dalam pemikiran anak muda. Malahan, fenomena ini masih lagi berkekalan sehingga sekarang, sehinggalah buku indie mula memasuki pasaran yang kosong tanpa pesaing ini.

Dengan strategi pemasaran agresif dan penggunaan bahasa yang santai dan sesekali kasar (tidak semua), cepat sahaja mereka mula menarik minat golongan muda. Memang diakui bahawa tidak semua buku penerbit indie dihasilkan bermutu, hal ini ialah fakta, tetapi penerbit indie telah membuka pintu emas kepada golongan biasa untuk menulis dan meruntuhkan stigma lama bahawa hanya ahli bahasa dan sasterawan sahaja yang boleh menulis dan menerbitkan buku. Oleh demikian, ada yang berpendapat, nilai ilmu telah menjadi semakin rendah kerana orang yang bukan ahli menulis. Siapa yang peduli? Menulis bukanlah kerja golongan cendekiawan atau intelektual sahaja. Apakah guna kemahiran menulis jika manusia dihalang untuk menulis? Noam Chomsky pernah berkata, kebanyakan golongan intelektual ialah hamba kuasa. Anak muda mahu merobohkan tembok intelektual sebegini supaya dapat mencapai pencerahan abadi yang tidak terikat dengan perhambaan kuasa.

Menyalahkan anak muda kerana minat merupakan suatu penghinaan terhadap diri kita sendiri. Tidak ada guna kita mengambil contoh zaman pencerahan ataupun zaman apa-apa sahaja selagi pengarang tua hanya mahu duduk di kerusi empuk berhadapan dengan sambil mengarang fiksiyenn dan menyalahkan anak muda apabila buku tersebut tidak dibaca dan tidak laku di pasaran. Zaman Pencerahan tidak akan berlaku dengan mengkritik anak muda tetapi akan hanya berlaku apabila golongan sasterawan dapat duduk menghayati isi hati anak muda lalu mencari cahaya kesedaran dalam kegelapan hati mereka. Bukannya dengan meletakkan suatu tembok pelabelan kasta, lantas memisahkan kumpulan sasterawan agung dengan sasterawan picisan.

Tokoh falsafah agung Yunani juga mencari anak muda untuk menyebarkan ideanya. Kita mengenali Socrates melalui anak muridnya, Aristotle dan Plato yang masih anak muda. Muhammad Abduh juga masih anak muda apabila beliau terpengaruh dengan idea pembaharuan agama Sayid Jamaluddin Afghani. Novel Buya Hamka juga terhasil semasa beliau masih muda, malah novelnya masih dikenang sehingga hari ini. Malahan, Buya Hamka mengkritik secara berhemah masalah adat dan agama bangsanya dalam setiap karyanya. Lihatlah pada keringkasannya jalan cerita dalam novel Buya Hamka, yang tidak perlu banyak bermain dengan teknik hebat tetapi sekadar penulisan yang biasa-biasa tetapi tetap dikenang antara novelis dan ulama terhebat Nusantara. Malah, Sasterawan

Negara Usman Awang juga mempunyai sisi nakal pada zaman mudanya. Adakah buku hanya menjadi "intelektual" apabila mengambil kata-kata daripada penyair agung seperti Rumi, pengarang agung seperti Shakespeare, atau tokoh pemenang Hadiah Nobel dalam kesusasteraan semata-mata?

### Cabaran kepada Sasterawan

Buku biarlah dilawan dengan buku. Pelabelan kelompok tidak akan memberi apa-apa kemajuan terhadap perkembangan intelektual dan kesusasteraan masyarakat. Jika merasakan buku indie membawa suatu kemusnahan kepada golongan muda, sasterawan harus cuba melawan fenomena ini dengan menghasilkan suatu bacaan yang dapat menarik perhatian golongan muda. Sasterawan bukan tidak pernah muda dan mengalami zaman pemberontakan minda dan jiwa. Biarlah pepatah "lebih banyak makan garam" diterjemahkan ke buku atau tulisan yang dapat membangkitkan minat anak muda pada buku mereka dan bukannya menolak anak muda lebih jauh daripada golongan sastera. Buku ialah bahasa universal. Buku yang baik tidak semestinya mempunyai plot yang berpusing-pusing dan falsafah tingkat tinggi tetapi cukuplah dapat memberikan inspirasi kepada generasi muda. Hassan al-Banna dan Ali Syariati merupakan antara contoh yang dapat bersama-sama dengan golongan pemuda untuk mencetuskan revolusi, malahan mereka tidak pernah menghasilkan buku hanya melalui syarahan.

Jika kita merasakan ada tanggungjawab untuk menimbulkan revolusi intelektual, menuliskan dan gunakanlah penerbit indie untuk mencapai pasaran yang lebih luas, dan mana tahu, dapat sambutan yang baik daripada golongan muda. Anak muda sebenarnya tidak membenci falsafah. Lihatlah kebanjiran anak muda yang lebih meminati Karl Marx daripada Syed Husin Ali, yang meminati Kafka lebih daripada A Samad Said. Intelektual bukan diukur dengan untung laku buku tempatan tetapi berapa ramai anak muda yang berani bersuara setelah terinspirasi dengan tulisannya.

Sukarno dalam ucapannya yang terkenal pernah mengatakan, "Beri aku seribu orang tua, nescaya akan kucabut semeru dari akarnya. Beri aku sepuluh pemuda, nescaya akan kugoncangkan dunia." Begitulah kegunaan sebenar golongan muda dalam pemerhatian golongan tua yang sepatutnya. Perbalahan hanya mengundang kemiskinan terhadap bangsa. Kehancuran intelektual tidak akan pernah padam jika polemik salah menyalah tidak berhenti. Anak muda zaman sekarang dibentuk oleh generasi sebelumnya. Hina dan buruk mana sekalipun generasi anak muda, lihatlah pada generasi sebelumnya yang menjadi acuan. Jika generasi sekarang dilihat hanyut, bimbnglah dengan ilmu dan budi, jangan hanya mengkritik. Sebagai anak muda yang cintakan sastera, amat merugikan apabila melihat "gajah sama gajah bergaduh, pelanduk mati di tengah-tengah". Harus diingat, anak muda bukanlah pelanduk tetapi masa hadapan sebenar sebuah negara. **■**

